

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan, prestasi dan pencapaian pendidikan secara atas talian (*online*) yang dijalankan secara mengikut pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di sekolah rendah dan menengah semenjak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat dari pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam talian merupakan satu pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang dilaksanakan mengikut kesesuaian. Pihak sekolah dan guru mengatur strategi untuk memastikan PdPR dilaksanakan secara optimum berdasarkan pertimbangan tiga prinsip asas iaitu tiada murid tercicir dalam pembelajaran, keperluan asas pembelajaran dipenuhi dan kesejahteraan murid diutamakan.

Bagi menilai tahap keberkesanan PdP semasa tempoh penutupan sekolah, KPM telah melaksanakan Kajian Keberkesanan Pelaksanaan *Home-based Learning* yang ditadbir secara dalam talian. Kajian ini memfokuskan kepada PdPR semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Skop kajian meliputi aspek pelaksanaan PdPR dalam tempoh Mac hingga Julai tahun 2020 yang merangkumi pendekatan, kaedah, strategi, aplikasi dan peralatan yang digunakan dalam pelaksanaan PdPR. Selain itu, kajian tersebut juga melihat kepada penjadualan PdPR, penyusunan semula Rancangan Pelajaran Tahunan (RPT) dan pentaksiran. Kajian ini melibatkan 13,156 orang pentadbir sekolah, 39,967 orang guru, 52,413 orang murid dan 59,624 orang ibu bapa/penjaga. Dapatan kajian menunjukkan pelibatan murid di bandar dalam PdPR secara dalam talian adalah sebanyak 59.3 peratus berbanding 51.4 peratus bagi murid di luar bandar. Bagi RPT pula, 46.2 peratus guru di bandar mencapai sasaran pelaksanaan berbanding dengan 39.1 peratus guru di luar bandar.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan tahap keberkesanan PdPR adalah pada tahap sederhana. Sebanyak 34.1 peratus murid menyatakan hasil pembelajaran di rumah adalah tidak seperti yang diperolehi di sekolah dan merupakan punca pembelajaran kurang berkesan.

Selain itu, 51.2 peratus murid berasa tertekan semasa pembelajaran di rumah. Daripada kumpulan tersebut, 48.9 peratus murid menyatakan sebab tertekan adalah kerana interaksi yang terhad dengan guru, manakala 55.0 peratus murid tertekan disebabkan interaksi terhad

SOALAN NO : 31

dengan rakan-rakan. Sebanyak 53.4 peratus murid pula tertekan disebabkan kurang bimbingan dalam sesi pembelajaran.

Sebaliknya, terdapat murid menganggap PdPR merupakan suatu pengalaman baharu. Sebanyak 56.6 peratus murid berjaya melibatkan diri secara aktif semasa sesi pembelajaran di rumah dan 49.7 peratus murid berasa seronok semasa mengikuti PdPR. Sebanyak 57.5 peratus murid berjaya menyiapkan tugas atau latihan yang diberikan oleh guru dalam masa yang ditetapkan. Dapatan kajian juga menunjukkan sebanyak 36.0 peratus murid boleh belajar sendiri menggunakan bahan pembelajaran di rumah dalam tempoh PKP.

Selain daripada pelaksanaan kajian tersebut, pada suku tahun pertama 2021, KPM telah menjalankan Tinjauan Pelaksanaan PdPR yang melibatkan 500 buah sekolah melalui pemerhatian terhadap PdPR yang dilaksanakan dalam talian atau gabungan dalam dan luar talian. Pemerhatian dilaksanakan melalui kehadiran Nazir Sekolah dalam kelas PdPR secara dalam talian. Pemerhatian ini dimaklumkan lebih awal kepada guru yang terlibat.

Sebanyak 1,053 pemerhatian dilaksanakan ke atas PdP guru. Tinjauan mendapati 98.7 peratus guru dapat mengelola isi pelajaran yang diajar mengikut peruntukan masa yang ditetapkan. Sebanyak 97.4 peratus guru berjaya membimbing murid untuk memahami dan menguasai isi, konsep dan fakta berkaitan pelajaran. Sementara itu, 96.7 peratus guru berjaya menarik perhatian murid untuk memberi respons terhadap pembelajaran dan memastikan keterlibatan murid semasa PdPR secara *real-time*.

Hasil tinjauan juga mendapati murid memberi respons positif terhadap tugas yang diberikan oleh guru dalam 97.5 peratus PdPR yang diperhatikan. Murid juga dapat melengkap dan menghantar tugas dengan pelbagai cara antaranya, melalui rakaman video, slaid pembentangan dan *voice call*.

Rumusan daripada tinjauan ini menunjukkan bahawa guru berupaya merangsang murid berfikir dan berkomunikasi dalam PdPR.

SOALAN NO : 31

Guru juga dapat melaksanakan aktiviti pembelajaran yang menyeronokkan dan menarik minat murid untuk belajar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam memastikan semua murid mengikuti PdPR, KPM telah membangunkan Sistem Pelaporan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (SPdPR). Sistem ini membolehkan penyertaan murid dipantau secara *real-time*. Hal ini membolehkan pihak sekolah melaksanakan intervensi yang bersesuaian bagi memastikan keterlibatan murid adalah secara optimum.

Data pelaporan bermula 20 Januari hingga 30 Ogos 2021 menunjukkan peratus murid yang mengikuti PdPR meningkat. Pelibatan murid sekolah rendah meningkat sebanyak 12.1 peratus iaitu daripada 87.1 peratus kepada 99.2 peratus. Pelibatan murid sekolah menengah pula meningkat sebanyak 19.3 peratus iaitu daripada 78.0 peratus kepada 97.3 peratus.

Secara kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan PdPR berhadapan dengan pelbagai cabaran dan kekangan pada peringkat awal. Namun, intervensi yang dilaksanakan oleh KPM telah membantu murid mengikuti PdPR dengan lebih baik. KPM sentiasa komited untuk memastikan murid dapat meneruskan pembelajaran dalam keadaan yang selamat dan mendapat akses kepada pembelajaran yang berkualiti pada setiap masa.